

05/04/2004

Kerjasama maju penyelidikan bioteknologi

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Cuba sudah membangunkan 15 program penyelidikan dalam bidang bioteknologi dan perubatan melalui dua universiti tempatan dan beberapa syarikat swasta.

Duta Cuba di Malaysia, Pedro Monzon Barata, berkata program penyelidikan itu membabitkan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang berkongsi kepakaran dengan penyelidik Cuba.

Beliau berkata, penghasilan vaksin untuk penyakit seperti denggi, kanser dan mengurangkan kandungan kolesterol dalam badan adalah antara 12 vaksin yang sedang diusahakan penyelidik kedua-dua negara.

Katanya, Malaysia mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang bioteknologi berikutan kesungguhan kerajaan membangunkan penyelidikan sains dan teknologi terutama pembangunan Lembah Bio yang bakal menjadi pusat kepada pembangunan perubatan dan farmaseutikal.

Hubungan dua hala Cuba-Malaysia terbina sejak dua tahun lalu apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan ke Cuba untuk menjalin hubungan peringkat tinggi pertama Malaysia dengan pemimpinnya, Fidel Castro.

Cuba sangat masyhur dalam bidang bioteknologi serta perubatan dan mempunyai lebih 300 institusi penyelidikan bioteknologi mencapai taraf dunia.

Malaysia mengambil peluang itu untuk berkongsi kepakaran dalam bidang bioteknologi dan perubatan, termasuk bidang perdagangan dan pelaburan.